

BAB 2

BUKU TATABAHASA PELITA BAHASA MELAYU

PENGGAL SATU

"Sudah sepertiga abad lebih (1978), sejak buku itu (PBM 1) selesai dicetak sampai sekarang, buku itu dibaca, dan dipelajari tanpa kecuali oleh semua guru bahasa Melayu. Tahun berganti tahun, penjajah Inggeris pergi, datang penakluk Jepun, balik kembali penjajah Inggeris, penjajah Inggeris pergi, Malaysia merdeka, guru berganti guru, murid menjadi guru, guru menjadi pensyarah, pensyarah menjadi profesor, buku ini dipakai sebagai satu-satunya buku nahu bahasa Melayu yang terpenting."

(Lutfi Abas, 1978)

2.1 PENGENALAN

Buku tatabahasa Pelita Bahasa Melayu Penggal Satu (PBM 1) ditulis oleh Zainal Abidin bin Ahmad atau dikenali sebagai Za'ba. PBM (1) cetakan ketiga ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1965. Buku PBM (1) ditulis untuk "memberikan kepada orang Melayu fikiran-fikiran yang menjadi tapak kepada ilmu nahu supaya mereka mengerti apa yang dikatakan "ilmu nahu" itu." (Za'ba, 1965)

Cetakan pertama PBM (1) mempunyai rangka acuan nahu bahasa Inggeris dan sedikit-sedikit nahu Arab. Manakala isinya dipadankan dengan tabiat sejati bahasa Melayu. Cetakan kedua, adanya pembetulan beberapa tempat yang tersalah cap dan yang ketinggalan daripada membetulkannya. Cetakan ketiga, dikeluarkan dengan huruf rumi kerana menyesuaikan dengan kehendak-kehendak tuntutan zaman. (Za'ba, 1965)

Buku tatabahasa PBM (1) mengandungi enam belas bab. Setiap bab mengandungi perkara-perkara yang dibincangkan dengan diberikan nombor yang berurutan daripada bab satu sehingga bab keenam belas. Manakala isi kandungan buku tatabahasa ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu sistem bunyi (fonologi), sistem binaan kata (morfologi), dan sistem binaan ayat (sintaksis).

2.2 JENIS PENULISAN NAHU PBM (1)

Menurut Ismail Salleh (Mac, 1996), Za'ba merupakan ahli bahasa tempatan yang terawal menghasilkan karya nahu bahasa Melayu dan disifatkan sebagai "**peneroka ilmu nahu bahasa Melayu.**" (Azhar M. Simin, 1993)

Perkembangan ilmu linguistik moden bermula pada awal abad ke 19 di Barat. Di Malaysia, ia hanya bermula pada tahun 1960-an. (Asmah Hj. Omar, 1975) Oleh itu, pada tahun sebelumnya, dalam rentetan sejarah penulisan tatabahasa Melayu, karya-karya ini digolongkan sebagai karya tatabahasa tradisional atau nosional.

Buku tatabahasa PBM (1) ditulis menggunakan pendekatan tradisional secara preskriptif. Menurut Azhar M. Simin (1993), buku tatabahasa PBM (1) merupakan sebuah buku tatabahasa jenis nahu peka konteks. Penulisan nahu jenis ini berkait rapat dengan kehendak penutur atau penggunaan sesuatu unsur dalam bahasa itu.

2.3 ASPEK YANG DIBINCANGKAN DALAM PBM (1)

PBM (1) membincangkan aspek fonologi, morfologi, dan sintaksis. Za'ba menggunakan pendekatan tradisional secara preskriptif bagi menghuraikan aspek-aspek tatabahasa bahasa Melayu yang terkandung di dalam buku ini.

2.3.1 ASPEK FONOLOGI

Dalam aspek fonologi, Za'ba membincangkan tentang 'huruf benar' dan 'huruf saksi' (Jawi dan Rumi), ejaan dan tulisan Jawi, ejaan Jawi pada perkataan memakai penambah serta petua-petua ejaan Rumi.

2.3.1.1 HURUF BENAR DAN HURUF SAKSI

Za'ba membincangkan dua bahagian huruf dalam tulisan, iaitu huruf benar dan huruf saksi. Huruf benar (konsonan) menggambarkan bunyi sebelah dalam yang tidak boleh berbunyi sendiri dengan tentu sebutannya. Manakala huruf saksi (vokal) boleh mengeluarkan bunyi sebelah luar, boleh berbunyi sendiri, dan berfungsi membantu membunyikan huruf-huruf benar.

Dalam tulisan Rumi, huruf-huruf saksi tetapnya ialah /a/, /e/, /el/, /i/, /o/, dan /u/. Selain daripada enam huruf tersebut, ia adalah huruf benar. Dalam tulisan Jawi, huruf-huruf saksinya ialah / ا /, / اء /, dan / اء اء / . Menurut Za'ba, huruf-huruf saksi ini ada kekurangannya kerana tidak mencukupi berbanding bunyi huruf saksi Melayu, dan huruf-huruf saksi ini berfungsi menjadi huruf benar selain menjadi huruf saksi.

2.3.1.2 EJAAN DAN TULISAN JAWI

Za'ba juga ada membincangkan tentang ejaan dan tulisan Jawi dahulu dan sekarang. Ejaan dan tulisan Jawi dahulu dibincangkan daripada aspek huruf / ʼ /, / ɟ /, / ɣ / menjadi pemanjang bunyi, bunyi pendek dan ejaannya, bunyi panjang dan ejaannya, tiada bunyi panjang yang sebenar dalam bahasa Melayu, / ʼ /, / ɟ /, / ɣ / melarat menjadi saksi, dan / ʼ /, / ɟ /, dan / ɣ / yang tidak menjadi huruf saksi. Manakala ejaan dan tulisan Jawi sekarang dibincangkan daripada aspek / ʼ /, / ɟ /, dan / ɣ / menjadi huruf saksi, dan ejaan dan tulisan Jawi sekarang berjalan atas kaedah baris dan huruf saksi.

2.3.1.3 EJAAN JAWI PADA PERKATAAN MEMAKAI PENAMBAH

Perkataan memakai penambah (morfem terikat) bermaksud perkataan berimbuhan sama ada di pangkal (awalan), di hujung (akhiran), dan di pangkal serta di hujung (apitan) seperti di, ka-, ke, sa, ter, -kan, -an, pe...an, ke...an, ber...an, dan sebagainya. Za'ba juga juga membincangkan ejaan menambah penggandaan (angka dua). ejaan perkataan bersatu, menambah angka dua kepada perkataan bersatu, merangkai dan menceraikan "yang", menambah angka dua pada perkataan berangkai "yang", serta merangkaikan lain-lain penambah di hujung Contohnya seperti [barangkali], [anak₂ raja], [orang besar₂].

[barang yang], [yang tersebut], [yang tidur], [yang besar₂], [buatkan-
lah] dan sebagainya. (lihat Za'ba (1965), Bab 4: m.s. 31-48)

2.3.1.4 PETUA-PETUA EJAAN RUMI

Za'ba membincangkan tentang 26 huruf Rumi termasuk 5 huruf Rumi saksi, iaitu *la/*, *le/*, *li/*, *lo/*, dan *lu/* dengan penambahan satu lagi huruf saksi, iaitu *lě/*. Perbincangan juga menyentuh tentang huruf benar Rumi, iaitu huruf yang tiada boleh keluar bunyinya dengan sempurna tanpa pertolongan huruf saksi, di samping membincangkan tempat-tempat atau daerah-daerah kepayahan dalam ejaan rumi. Za'ba juga membincangkan 8 jenis keadaan atau tempat orang kerap melakukan kesalahan, iaitu sesetengah bunyi di hujung, bunyi berkait, pelat, penggunaan dua */g/*, peminjaman dari bahasa Inggeris atau bahasa Arab, penambahan, penggunaan sempang, dan pemakaian huruf besar.

2.3.2 ASPEK MORFOLOGI

Aspek morfologi yang dibincangkan dalam PBM (1) meliputi jenis-jenis perkataan dan kerja-kerjanya.

2.3.2.1 JENIS-JENIS PERKATAAN DAN KERJA-KERJANYA

Za'ba membahagikan perkataan kepada lima jenis yang besar, iaitu nama, perbuatan, sifat, sendi, dan seruan. Selain itu, Za'ba juga membincangkan tentang beberapa perkataan yang boleh bertukar-tukar jenisnya seperti perkataan nama yang kadang-kadang menjadi perbuatan, sifat atau sendi, mengikut tugas atau kerjanya.

a) Perkataan Nama dan Gantinya

Za'ba telah membahagikan perkataan nama kepada Nama Betul dan Nama Pengganti atau Ganti Nama. Selain itu, Za'ba turut membincangkan tentang pepadanan taraf kepada nama orang seperti encik, che, tuan, tengku, datuk, kakak, dan lain-lain mengikut taraf kehormatan.

Za'ba membincangkan perkataan nama meliputi Nama Terbitan, Jenis-jenis Ganti Nama, Diri Nama dan Ganti Nama, Kuasa-kuasa Nama dan Ganti Nama, Nama Saingan, Pecahan-pecahan Ganti Nama Diri, bilangan banyak pada Ganti Nama Diri, taraf-taraf Ganti Nama Diri, Ganti Nama Diri daripada bahasa dagang, Ganti Nama Jenis Lain-lain, "Diri"-nya, laki-laki perempuannya, bilangannya, kuasanya, serta menggalurkan perkataan Nama dan Ganti Nama.

b) Perkataan Perbuatan

Za'ba membahagikan perkataan perbuatan kepada dua bahagian, iaitu perbuatan melampau dan perbuatan tiada melampau. Selain itu, Za'ba turut membincangkan perkataan perbuatan yang memakai dua penyambung, iaitu penyambung tepat dan penyambung sipi, perbuatan kurang, perbuatan tiada terang, menyatakan sesetengah perbuatan tiada terang, perbuatan nama dan nama perbuatan, perbuatan memakai penambah -kan, -i, me-, di- perbuatan memakai ber-, perbuatan memakai ter-, dan perbuatan memakai penambah per-.

Za'ba juga membincangkan tentang perbuatan terbitan, bangun membuat, kejadian bangun kena buat, menukar-nukar bangun perbuatan, bangun perbuatan memakai ber, bangun perbuatan-perbuatan ganjil, bangun kena buat pada perbuatan tiada terang, bangun kena buat pada terbitan ke...an, masa perbuatan, dan sudah atau belum sudahnya sesuatu perbuatan.

Berkaitan dengan ragam, Za'ba membincangkan dari aspek ragam perbuatan, ragam lepas, kuasa-kuasa perbuatan ragam lepas, dan menggalurkan perkataan perbuatan.

Za'ba membincangkan penggolongan perkataan perbuatan dengan terperinci. Penerangannya disertakan dengan contoh-contoh dan diberi peringatan serta undang-undang pemakaian perkataan-perkataan yang dibincangkan. (Lihat Za'ba, 1965, Bab 9)

c) **Perkataan Sifat**

Za'ba membincangkan perkataan sifat, iaitu satu perkataan yang boleh jadi sifat nama dan sifat kata. Perkataan sifat juga boleh dipakai menjadi nama, menjadi perbuatan. Seterusnya Za'ba membincangkan tentang jenis-jenis sifat nama, sifat bilangan dengan penambah, penjenis atau pepaduan bilangan, jenis-jenis sifat kata, penggunaan masing-masing jenis sifat, dan kejadian sifat kata.

Selanjutnya Za'ba menerangkan pangkat-pangkat sifat sama ada sifat nama atau sifat kata yang sebahagiannya boleh berpangkat-pangkat maknanya seperti [baik, hampir baik, lebih baik, sangat baik] dan lain-lain. Selain itu diperbincangkan juga tentang sifat-sifat yang tiada boleh berpangkat-pangkat, dan mengalurkan perkataan sifat dengan menyebut bahagiannya, jenisnya, kejadiannya, perubahannya, penggunaannya dan lain-lain.

d) Perkataan Sendi

Za'ba membahagikan perkataan sendi kepada dua bahagian, iaitu "sendi nama" dan "sendi kata". Sendi Nama dipakai dengan nama atau ganti nama. Manakala Sendi Kata dipakai sebagai penyambut yang menghubungkan antara perkataan-perkataan sejenis, di antara bahagian-bahagian cakap atau di antara ayat-ayat.

Za'ba juga membincangkan tentang satu perkataan boleh menjadi sendi nama dan sendi kata, sendi nama yang boleh dihitung nama, perkataan-perkataan yang seperti sendi nama, jenis-jenis sendi nama dan penggunaannya, penyambut sendi nama, dan rangkaian sendi nama dengan penyambutnya.

Perkataan sendi kata pula dibahagikan kepada dua jenis sendi, iaitu sendi kata penambah dan sendi kata penambat. Za'ba turut membincangkan perhubungan dengan tiada sendi kata, penggunaan sendi kata penambah, dan penggunaan sendi kata penambat. Selain tu, Za'ba juga membincangkan ayat-ayat yang disambungkan oleh sendi kata, ayat kecil yang jadi penerang atau penolong, dan ayat kecil yang dipancarkan ke dalam ayat besar.

e) Perkataan Seruan

Perkataan seruan adalah seperti perkataan 'menumpang' sahaja, iaitu tidak termasuk menjadi anggota yang bekerja dalam ikatan sesuatu ayat. Jika perkataan seruan dibuang, ia tidak merosakkan ikatan sesuatu ayat.

2.3.3 ASPEK SINTAKSIS

Aspek sintaksis dalam PBM (1) membincangkan kaedah-kaedah rangkai kata, binaan ayat-ayat Melayu, dan jenis-jenis ayat.

2.3.3.1 KAEDAH RANGKAI KATA (FRASA)

Kaedah rangkai kata membincangkan cara menyusun perkataan-perkataan mengikut kaedah-kaedah tertentu agar perhubungan antara perkataan dengan perkataan dapat memberi pengertian yang betul mengikut susunan bahasa Melayu jati.

Penyusunan perkataan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu tertib, penguncian, dan persesuaian. Ketiga-tiga perkara ini sangat penting dilaksanakan untuk memberi rangkaian makna. Za'ba membincangkan contoh-contoh undang-undang rangkai kata kepada

perkataan nama dan gantinya, kepada perkataan perbuatan, kepada perkataan sifat nama, kepada perkataan sifat kata, kepada perkataan sendi nama, kepada perkataan sendi kata, dan perkataan seruan.

2.3.3.2 BINAAN AYAT-AYAT MELAYU

Za'ba membahagikan binaan ayat-ayat Melayu kepada ikatan "benda" dan "cerita". Ikatan "benda" dan "cerita" merupakan tunjang atau teras bagi segala jenis ayat. Menurut Za'ba, jika sesuatu ayat itu kekurangan salah satu daripadanya, maka ayat tersebut tidak dapat difahami kerana tidak sempurna maknanya.

Za'ba membahagikan "benda" kepada dua, iaitu kata nama dan lain-lain perkataan yang berkuasa nama atau yang membuat kerja nama seperti ganti nama, perbuatan nama, perbuatan atau sifat yang dipakai jadi nama, dan rangkaian perkataan atau ayat lain yang bekerja atau berkuasa sebagai nama. Manakala "cerita" boleh terdiri daripada perkataan jenis nama, perbuatan, sifat, atau rangkaian-rangkaian yang bekerja dengan kuasa satu daripada tiga jenis itu.

Za'ba juga membincangkan ayat nama dan ayat perbuatan. Ayat-ayat Melayu terbahagi kejadiannya kepada dua bahagian mengikut apa yang jadi ceritanya. Za'ba juga menyentuh tentang ragam ayat-ayat

Melayu yang dibahagikannya kepada empat bahagian, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat kehendak, ayat seruan.

Manakala pecahan-pecahan benda dibahagikan kepada dua, iaitu benda betul atau penama, dan penerangnya. Nama betul merupakan benda yang menjadi tumpuan cerita dalam ayat, manakala penerangnya ialah perkataan yang meluaskan atau menerangkan "benda" saja dalam ayat. Pecahan-pecahan cerita pula Za'ba membahagikannya kepada enam pecahan, iaitu cerita yang sebenar (hal), penerang hal, penyambut, penerang penyambut, pencukup, dan penerang pencukup.

Selain itu PBM (1) turut membincangkan tentang ikatan ayat-ayat. Ayat dalam bahasa Melayu tersusun dalam ikatan "benda" dan "cerita". Dalam ayat melampau, penyambutnya ialah selepas kata perbuatan tersebut. Za'ba juga membincangkan tentang ikatan ayat perbuatan memakai di- dalam ayat songsang. Manakala kedudukan bahagian-bahagian penerang dalam ayat boleh diletak di mana-mana asalkan munasabah dan tidak bersalahan dengan kaedah susunan cara Melayu.

2.3.3.3 JENIS-JENIS AYAT

Za'ba membahagikan ayat kepada tiga, iaitu ayat selapis (ayat tunggal), ayat berlapis (dua atau lebih ayat selapis digabungkan), dan ayat

berkait (satu atau lebih ayat kecil bersatu dengan satu-satu ayat besar dengan menggunakan sendi kata penambat).

Selain itu, PBM (1) membincangkan tentang ayat-ayat kecil yang jadi penerang, iaitu menerangkan nama, dan menerangkan selain daripada nama. Za'ba juga membincangkan tentang ayat kecil yang jadi penubuh, iaitu ayat kecil yang termasuk jadi anggota betul dalam sesuatu ayat besar. Manakala ayat bercampur pula merupakan kesatuan atau persatuan ayat selapis dengan ayat berkait, atau ayat berkait dengan ayat berkait.

Menguraikan ikatan ayat pula ialah memecahkan sesuatu ayat kepada bahagian-bahagiannya, iaitu ayat itu diasingkan dan ditentukan apa kerjanya dan ke mana ia bekerja dalam ikatan itu.

Contoh: [Dia pun masuk ke dalam bilik (lalu) bersalin pakaian (serta) memakai bau-bauan.]

Bila diuraikan ayat di atas sebenarnya terdiri daripada tiga ayat iaitu:

A1 = [Dia pun / masuk ke dalam bilik]

A2 = [Dia / bersalin pakaian]

A3 = [Dia / memakai bau-bauan]

Za'ba mengatakan bahawa kerja-kerja atau proses menguraikan ikatan ayat perlu menggunakan akal dan pemahaman. Ianya tidak boleh dilakukan sekadar berpandukan contoh-contoh tertentu sahaja. Menurut Za'ba lagi, kerumitannya ialah apabila ada bahagian-bahagian yang tidak disebut dalam ayat tetapi realisasinya tetap ada dalam kiraan maksud ayat, sukar menentu "benda" dan "cerita"nya, yang mana penyambut dan yang mana pencukup, dan dalam menentukan sesuatu penerang.

Dalam PBM (1), dinyatakan bahawa kerja-kerja menguraikan atau menganalisis tidak dapat dilakukan dengan mudah dan tepat jika hanya berpandukan contoh-contoh yang telah diberi. Ianya memerlukan latihan sehingga mahir, dan dapat mengesan betul salahnya sesuatu ayat tersebut.

2.4 CIRI-CIRI PENULISAN DALAM PELITA BAHASA MELAYU (1)

PBM (1) sebagai sebuah buku tatabahasa tradisional adalah sekumpulan penjelasan dan aturan gramatik warisan dari studi preskriptif abad ke-18 yang pada pokoknya merumuskan aturan-aturan berbahasa yang benar. (A. Chaedar Alwasilah, 1993) Antara ciri-ciri penulisan buku tatabahasa ini ialah:

2.4.1 ACUAN LATIN

Mengikut Asmah Hj. Omar, tahun sebelum 1960-an karya-karya tatabahasa bahasa Melayu digolongkan sebagai tatabahasa tradisional atau nosional. Penghuraian tatabahasa bahasa Melayu tradisional mengikut acuan tatabahasa Yunani-Latin, tetapi isinya yang memenuhi rangka karya tatabahasa yang dihasilkan ini semuanya dipadankan dengan pembawaan tabiat sejati bahasa Melayu dengan kaedah-kaedahnya yang tersendiri. (Azhar M. Simin, 1993) Cara Za'ba bekerja sedemikian rupa adalah bagi menghasilkan karya tatabahasa bahasa Melayu di samping menjamin keunggulan karya yang dihasilkan.

2.4.2 PENDEKATAN PRESKRIPTIF

Pendekatan ini digunapakai dalam tatabahasa tradisional. Pendekatan preskriptivisme dalam PBM (1) dapat dikaitkan dengan karya tatabahasa pedagogi, iaitu tatabahasa yang ditulis dan diolah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam hal ini, tatabahasa Za'ba ditulis dengan tujuan untuk kegunaan para pelajar di sekolah Melayu pada masa itu. Mengikut konteks zamannya, tatabahasa PBM (1) dikenali juga sebagai tatabahasa sekolah kerana karya ini adalah satu-satunya karya tatabahasa yang dijadikan panduan untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Sebagai sebuah karya tatabahasa tradisional yang

terpenting kepada pengguna bahasa Melayu, label yang terangkum dalam karya ini ialah terkenal sebagai tatabahasa rujukan, tatabahasa preskriptif, dan tatabahasa normatif. (Ismail Salleh, 1999)

2.4.3 DARI BUNYI KE AYAT

Dalam buku tatabahasa PBM (1), pengkaji mendapati bahawa Za'ba membincangkan bidang fonologi, morfologi, dan sintaksis. Dalam bidang fonologi perbincangan menyentuh tentang sistem bunyi bahasa Melayu dari segi lisan dan tulisan. Bidang fonologi dimasukkan dalam perbincangan agar pembaca dapat menguasai sistem ejaan dengan lebih baik setelah pengetahuan tentang fonologi bahasa itu diperolehi.

Bidang morfologi turut dibincangkan oleh Za'ba. Perbincangan yang mendalam tentang aspek ini menyentuh pelbagai jenis dan bentuk imbuhan, serta penggolongan kata dalam bahasa Melayu. Bagi bidang sintaksis pula, Za'ba dengan lengkap memperkatakan tentang aspek jenis dan bentuk rangkai kata (frasa), ayat kecil (klausa), dan ayat. Setiap aspek yang diperkatakan dijelaskan dengan lengkap dari segi konsepnya. Unsur-unsur binaan sintaksis menyentuh benda (subjek), cerita (predikat), serta unsur-unsur yang berkaitan dalam menganalisis ayat. (Ismail Salleh, 1999) Pencerakinan ayat kepada unsur-unsur yang membinanya juga ditunjukkan oleh Za'ba.

2.4.4 PENGHURAIAN BERSIFAT NOSIONAL

Dalam PBM (1), aspek-aspek yang dibincangkan dihuraikan berdasarkan nosional. Penghuraian yang bersifat nosional, sebanyak mungkin mendasarkannya kepada semua makna yang difikirkannya terkandung dalam sesuatu aspek tatabahasa yang dibincangkan. Contohnya penghuraian Za'ba tentang imbuhan (Za'ba: Penambah) dalam bahasa Melayu. Za'ba menghuraikan semua makna yang difikirkannya terkandung dalam sesuatu imbuhan apabila imbuhan tersebut bergabung dengan pelbagai perkataan.

Contoh: Awalan ber-

Awalan ber- menunjukkan perbuatan itu dilakukan oleh pembuatnya bagi dirinya sendiri, iaitu dengan maksud bangun membuat.

2.4.5 PERCAMPURAN KATEGORI SEMANTIK DAN GRAMATIK

Penulisan buku tatabahasa PBM (1) mempunyai ciri percampuran kategori semantik dan gramatik. Ciri ini terdapat dalam huraian Za'ba untuk kata sifat. (Za'ba: Sifat Nama); "... perkataan yang menerangkan darihal nama atau gantinya yang dinamakan sifat nama..." . Penghuraian ini bersifat formal kerana ia tidak berpandukan makna tetapi unit tatabahasa, iaitu "kata". (Sulaiman Masri, 1975)

Apabila membincangkan ayat, Za'ba juga menyentuh tentang makna dan makna permukaan dalam sesuatu ayat yang mesti diadakan untuk mencerakinkan ayat. Menurut Za'ba, kerumitan mencerakinkan ayat ialah apabila ada bahagian-bahagian yang tidak disebut dalam ayat tetapi realisasinya ada dalam kiraan maksud ayat.

2.4.6 KAEDAH TERJEMAH

Kaedah terjemah merupakan salah satu ciri penulisan dalam buku tatabahasa PBM (1). Menurut Sulaiman Masri (1975), hal ini berlaku kerana permulaan kajian tatabahasa berlaku dalam zaman kemegahan falsafah Yunani. Setiap anggota pemikir ketika itu menganggap bahasa sebagai suatu pemberian Tuhan (*divine origin*); lantas bahasa-bahasa di dunia mempunyai pelbagai sifat yang serupa atau universal cirinya. Justeru itu, pengajian tatabahasanya berdasarkan tanggapan, kepercayaan, dan sentimen mata-mata.

Contohnya, Za'ba menghuraikan Kata benda (Za'ba: Perkataan Nama) sebagai; "... segala perkataan (yang) menyebut benda atau orang ..." adalah divedok bulat-bulat dari definisi "*noun*" (Inggeris), iaitu; "... the name of person, place or thing...".

Selain itu, Za'ba membahagikan golongan kata (Za'ba: Jenis Kata) kepada lapan golongan, iaitu kata nama, kata perbuatan, ganti nama, sifat nama, sifat kata, sendi nama, sendi kata dan kata seruan. Mengikut Sulaiman, Za'ba telah tersilap kerana memasukkan "sifat kata" (adverba) sebagai golongan kata. Padahal, dalam bahasa Melayu tidak ada perkataan khusus tergolong dalam adverba. Sebaliknya, menurut kriteria formal, kata-kata dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada empat golongan besar, iaitu kata benda, kata kerja, kata tugas, dan kata neutral. (Sulaiman Masri, 1975)

Menurut A. Chaedar Alwasilah, banyak pihak yang menyatakan keberatan atas pembahagian ini, kerana penggolongan ke delapan jenis kata tersebut arbitrar dan pembatasannya tidak sistematik. Keberatan lain adalah bahawa pemerian dan batasan jenis kata tersebut simpang siur. *Noun* (kata nama) dan *interjection* (kata seruan) diberi batasan berdasarkan makna, sedangkan *preposition* (sendi nama), *adverb* (sifat kata), *adjective* (sifat nama) didasarkan pada fungsinya. Akibatnya banyak ketidaklogisan. (A. Chaedar Alwasilah, 1993)

2.4.7 FOKUS PENULISAN: PENUTUR NATIF

Za'ba menghasilkan karya tatabahasanya berasaskan pengetahuan beliau sebagai penutur natif. Karya ini dihasilkan untuk pelajar Melayu

yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Buku ini ternyata kurang sesuai untuk pelajar bukan penutur natif kerana perbincangan tentang bahasa Melayu di situ adalah ayat tinggi sifatnya dan memperlihatkan keanekaragaman bahasa dalam konteks penggunaan. Bagi pelajar bukan penutur natif, maklumat yang disediakan terlalu terperinci dan terlalu kompleks.

2.4.8 PENCERAKINAN AYAT

Dalam bahagian sintaksis (Jenis-jenis Ayat dan Uraiannya), Za'ba mencerakinkan ayat-ayat yang dianalisis. Cara ini memudahkan pengguna bahasa melihat bahagian-bahagian dalam sesuatu binaan ayat.

Contoh: Cherakin Ayat Selapis

Penyambung	Benda Ayat		Ceritanya					
	Benda Betul	Penerangnya	Hal	Penerangnya	Penyambung	Penerangnya	Pencukup	Penerangnya
-	Pihak musuh	itu	membawa	1)sentiasa juga 2)lagi 3)dengan seberapa segera 4)dari belakang baris perbentangan mereka itu	tentera-tentera	1)bantuan mereka 2)lengkap dengan segala alat senjata	-	-

- Perhatian (1) Ayat selapis memang tidak ada memakai perkataan Penyambung Ayat, kerana tidak ada lapis-lapis ayat yang hendak disambungkan. Sebab itu ruangan penyambung itu tinggal kosong sahaja, tidak ada apa yang boleh diisikan di situ.
- (2) Lain-lain ruang yang kosong itu hanyalah kerana cawang-cawang untuk mengisi ruang itu tidak ada terpakai dalam misal ini. Tetapi ada misal-misal yang memakai cawang-cawang lengkap bagi kesemua ruang itu.

2.4.9 BAHASA LISAN DAN TULISAN DIBERI KEPENTINGAN YANG SAMA

Oleh kerana bahasa Melayu mempunyai tradisi lisan yang agak lama, Za'ba telah berusaha menyampaikan pemikirannya berlandaskan lisan dan tulisan yang lengkap. Ini diperakui oleh Ismail Salleh (1999), bahawa dalam bidang fonologi terangkum perbincangan mengenai sistem bunyi bahasa Melayu dari segi lisan dan tulisan. Dalam perspektif sejarah penulisan tatabahasa bahasa Melayu, Za'balah satu-satunya ahli bahasa tempatan yang menghasilkan tatabahasa bahasa Melayu dalam bahasanya sendiri.

2.5 KEKUATAN BUKU TATABAHASA PELITA BAHASA MELAYU(1)

Sesebuah penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu yang dihasilkan sudah pasti mempunyai kekuatannya. Kajian ini mendapati

bahawa buku tatabahasa PBM (1) yang dihasilkan oleh Za'ba ini mempunyai kekuatannya tersendiri.

2.5.1 STRUKTUR PERBINCANGAN

PBM (1) merupakan sebuah buku tatabahasa yang mengandungi struktur perbincangan yang lengkap. Buku ini membincangkan aspek tatabahasa dalam bidang fonologi, morfologi, dan sintaksis. Semantik juga disentuh sepintas lalu. Perbincangan aspek-aspek tatabahasa ini disertai dengan undang-undang, penerangan, serta peringatan. Keterangan yang dikemukakan jelas dan mudah difahami kerana adanya hukum-hukum yang disertakan.

Contoh: PENJENIS ATAU PEMADAN BILANGAN

(Bab 10: 226, M.S. 161)

Za'ba menghuraikan Penjenis atau Pemadan Bilangan dengan lengkap seperti berikut;

PĒNJĒNIS ATAU PĒMADAN BILANGAN

226. Bĕrhubong dĕngan Sifat-nama mĕmbilang ini ada tĕrpakai bĕbbĕrapa pĕrkataan khas di-namakan "Pĕmadan Bilangan" ia-itu sĕmua-nya Nama di-kawankan dĕngan nama masing-masing bĕnda yang di-bilang itu ikut layak-nya:

- (1) Jika mĕmbilang manusia di-pakai pĕrkataan "*orang*" sapĕrti '*dua orang anak*' sa-ratus *orang* kuli.'

- (2) Jika mēmbilang bēnda yang bulat atau bērisi di-kata "*ekor*", sapērti '*sa-ekor* burong, tiga *ekor* lēmbu, bēbērapa *ekor* katak.'
- (3) Jika mēmbilang bēnda yang bulat atau bērisi di-kata "*buah*" atau "*butir*" atau "*biji*", sapērti '*sa-buah* rumah, tiga *butir* tēlor, sa-puluh *biji* atau *butir* atau *buah* kēlapa.'
- (4) Jika mēmbilang bēnda yang panjang dan kēras di-kata "*batang*", sapērti '*sa-batang* jarum, dua *batang* lēmāng, sa-puluh *batang* kalam.'
- (5) Jika mēmbilang bēnda yang panjang lēmbut atau lebar lēmbut, di-kata "*hāi*", sapērti '*sa-hāi* rambut, lima *hāi* kain.'

227. Dēmikian-lah ada bēbērapa banyak lagi pērkataan-pērkataan yang di-pakai jadi "pēnjēnis" atau pēmadan bilangan, sapērti '*bilah, kēping, bēntok, gēlong, utas, rawan, pasang, papan, patah, pintu, mata, urat, kaki, puchok, rumpun, kuntum, tangkai, kajang, tandan, sikat, sisir, tongkol, bingkah, tongkah, kētul, titek, tēgok, suap*' dan lain-lain, mēngikut masing-masing tēntang-nya yang memang di-kētahui oleh orang Mēlayu.

PERINGATAN

(1) Salah-lah pada ka'edah Mēlayu jika di-kata '*sa- satu kērbau, dua tēlor, tiga chincin, tujuh bunga*' dan sa-bagai-nya, kērana tiada mēmakai Pēmadan Bilangan.

(2) Dalam pada itu tidak-lah pula semua Nama mēsti mēmakai Pēnjēnis apabila mēnyēbutkan bilangan-nya. Mithal-nya nama-nama masa sapērti *hari, bulan, tahun*, di-kata '*sa-puluh buah bulan*' umpama-nya maka maksud-nya ia-lah bulan di-langit, bukan bulan masa.

(3) Nama-nama saperti '*hantu, shaitan, mala'ikat*' kērap tidak di-pakaikan apa-apa pēnjēnis, sunggoh pun kadang-kadang ada juga di-kata umpama-nya '*tiga ekor hantu, dua orang mala'ikat*' sa-olah-olah hantu itu binatang dan mala'ikat itu manusia.

2.5.2 CARA PENULISAN

PBM (1) ditulis secara deduktif. Kaedah ini sesuai dengan tujuan dan objektifnya sebagai sebuah buku tatabahasa pedagogi bahasa Melayu kerana ia mudah difahami. Sifatnya yang praktikal sesuai digunakan oleh pengajar dan pengamal bahasa.

Kenyataan ini disokong oleh Azhar M. Simin (1993) dalam bukunya "Sintaksis - Wacana "Yang" dalam Bahasa Melayu". Azhar M. Simin memuji PBM (1) dengan mengatakan bahawa ia tidak mengenal zaman kerana keupayaan Za'ba mengungkapkan bahasa Melayu dengan tulennya. Pendekatan Za'ba dalam penulisannya adalah dengan mendahulukan bahasa Melayu dan kemudiannya mencari alat-alat huraian yang boleh menghuraikan bahasa Melayu. Za'ba telah menggunakan "*language first approach*", manakala buku tatabahasa bahasa Melayu yang lain menggunakan "*theory first approach*" yang dikatakan banyak merosakkan bahasa Melayu.

2.5.3 ISI DAN HURAIAN

Kekuatan buku PBM (1) dapat dilihat daripada aspek isi dan huraianya. Za'ba berupaya membentuk konteks atau wacana dalam mana bentuk itu digunakan. Isinya padat dengan huraian yang kreatif di

samping menyediakan konteks situasi penggunaannya. Perbincangan Za'ba dalam buku tatabahasa ini menggunakan contoh-contoh serta memberi peringatan dengan memberikan beberapa penekanan.

Contoh: (Za'ba: Kaedah Rangkai-Kata)

Ingat - Mithal yang kedua itu ialah cara pembahasaan Inggëris, dan boleh di-bëtulkan mēngikut cara Mēlayu dēngan di-kata: 'Jika ia tidak datang bēkërja tiap-tiap hari gajinya tidak akan dibayar', atau 'Gajinya tidak akan dibayar mēlainkan jika ia datang bēkërja tiap-tiap hari.'

(Za'ba: m.s. 261)

2.5.4 FONOLOGI

Dalam aspek fonologi, Za'ba menambah fonem / ě / sebagai tambahan kepada fonem / e /. Penggunaan fonem / ě / pada dasarnya lebih praktikal kerana mampu menyelesaikan masalah homonimi. Masalah ini amat ketara jika penutur itu bukan daripada kalangan penutur jati bahasa Melayu. Penggunaan fonem / ě / banyak membantu pengguna bahasa Melayu untuk lebih memahami bidang leksis.

Contoh: [perang] [pĕrang]
 [rendang] [rĕndang]
 [sepak] [sĕpak]

Jika fonem / ě / digunakan maka pengguna tidak akan menghadapi masalah homonimi ini.

Perkara ini ada diutarakan di Bengkel Pengejaan Kata Serapan Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu anjuran DBP baru-baru ini. Khalayak itu mencadangkan pentingnya baku bunyi, ejaan, dan sebutan dalam bahasa Melayu dan mengharapkan supaya penggunaan / e / pepet atau / ě / dikembalikan.

Perkara itu dikatakan perlu memandangkan sebahagian besar generasi muda kini terkeliru sehingga tidak dapat menyebut dengan betul perkataan yang membabitkan penggunaan aksara berkenaan. (Salbiah Ani, 2000)

2.5.5 PERISTILAHAN

Istilah yang digunakan dan dicipta oleh Za'ba adalah agak mengkagumkan. Ahli-ahli bahasa dan para sarjana hari ini, lebih cenderung menggunakan istilah yang diambil dari bahasa Inggeris.

Contoh:

ISTILAH NAHU ZA'BA	ISTILAH NAHU KINI
benda dan cerita	subjek dan predikat
rangkai kata	frasa
kata sifat	kata adjektif
ayat bangun membuat	ayat aktif
ayat bangun kena buat	ayat pasif
Penyambut	objek
kata perbuatan	kata kerja

Rajah 2.3

Abdullah Hassan (1980), berpendapat bahawa istilah-istilah yang digunakan oleh Za'ba telah lama digunakan oleh pengguna bahasa Melayu, tetapi sebagai akibat peredaran masa dan perkembangan ilmu linguistik moden, serta alasan lain, para sarjana bahasa terkemudian daripada Za'ba beralih selera dengan meminjam atau mencipta istilah baharu dari bahasa Inggeris bagi menghuraikan tatabahasa bahasa Melayu. (Ismail Salleh, 1999) *

Mengikut Asmah Hj. Omar (1992), berdasarkan analisis yang dilakukan dalam PBM (1), sudah pun wujud konsep-konsep dalam PBM(1) yang ada persamaan dengan istilah ilmu linguistik yang dikenali pada hari ini, walaupun istilah yang digunakan oleh Za'ba berbeza. (Ismail Salleh, 1996)

2.5.6 WACANA SEPARA

Dalam buku tatabahasa ini didapati bahawa Za'ba telah mula menggunakan 'wacana separa' atau "*partial discourse grammar*". Menurut Azhar M. Simin, nahu separuh wacana adalah nahu yang memeri ayat-ayat yang digunakan dalam sesuatu wacana tertentu untuk dibuat pernyataan linguistik berkenaan dengannya. Nahu separuh wacana dalam bahasa Melayu adalah nahu yang berguna kerana ia bukan secara total nahu bebas-konteks. (Azhar M. Simin, 1993)

Menurut beliau lagi, nahu separuh wacana Za'ba bukan terletak pada keupayaannya memetik ayat daripada sesuatu wacana tertentu sebagai asas untuk membuat pernyataan sintaksisnya, tetapi terletak pada keupayaannya membentuk konteks, membentuk wacananya sendiri agar dapat menunjukkan bagaimana secebis bahasa digunakan.

Contoh:

Penambah 'me' ... menunjukkan pembuat perbuatan itu yang lebih diberatkan, bukan perbuatannya. Misalnya: [Saya menanam pokok itu] (yakni bukan 'dia' dan bukan 'engkau' menanaminya) [Sudahkah engkau menulis surat itu?] (iaitu 'engkau' yang lebih diberatkan)

Jika tiada dipakai 'me' pada misal-misal itu maka perbuatan itu yang lebih diberatkan. Misalnya: [Saya jual rumah itu] yakni bukan saya bakar atau runtuhkan atau lainnya.

(Za'ba: 203-204)

Nahu separuh wacana Za'ba dalam buku tatabahasa PBM (1) kebanyakannya adalah pernyataan yang cuba untuk memeri bahasa Melayu sebagai bahasa Melayu dengan pembawaan tabiat sejati bahasa Melayu yang memiliki "kaedah-kaedah yang khas tersendiri daripada bahasa-bahasa lain." Dengan erti kata lain, pernyataan ini adalah pernyataan yang berguna untuk dijadikan asas untuk memeri penggunaan ayat-ayat Melayu dalam wacana, iaitu sebagai asas yang berguna untuk membuat nahu wacana Melayu. (Azhar M. Simin, 1993)

2.5.7 KONSEP BERENGGAN DAN KONSEP SERBA JADI (FLEKSIBEL)

Menurut Azhar M. Simin, nahu Melayu yang baik setaraf dengan nahu Melayu unggul adalah merupakan nahu manusia biasa yang mengutamakan maklumat pengguna bahasa Melayu. Nahu Melayu yang unggul adalah nahu manusia biasa kerana maklumat struktur bahasa Melayu dan maklumat penggunaan bahasa Melayu sama penting. Setiap cebisan struktur bahasa Melayu terperi secara baik, diberikan cara penggunaan ikut keadaan dan kebiasaan bagi bahasa Melayu.

Dua sifat buku tatabahasa PBM (1) yang memenuhi taraf sebagai nahu Melayu unggul ialah konsep berenggan dan konsep serba jadi (fleksibel). Konsep berenggan merujuk pada ujaran manusia biasa yang mengandungi susunan perkataan yang sekumpul-kumpul, tentu hujung pangkal dan tempat berhenti, serta memberi faham yang sempurna. Ini bermakna PBM (1) mementingkan penggunaan bahasa Melayu sebagai fenomena sebenar, iaitu cara manusia biasa memperalatkan bahasanya untuk menjayakan tujuan perhubungan tertentu. (Azhar M. Simin, dalam Peneroka dan Penggilap)

"Kita bercakap atau menulis berenggan-enggan dan berayat-ayat; iaitu memakai susunan perkataan yang sekumpul-kumpul dengan tentu hujung pangkalnya dan tempat-tempat berhentinya serta memberi faham yang sempurna tiap-tiap sekumpul kata yang dikatakan itu."

(PBM: 264)

Manakala konsep serba jadi (fleksibel) merupakan sifat alamiah kata-kata Melayu, iaitu berubah-ubah jenisnya, bermacam-macam cara, bermacam-macam fungsinya, bersifat nahu pedagogi kerana nyata sebab penggunaan nahu dan disertakan dengan latihan bersifat sintagmatik, dan penjelasan terperinci.

"Pendeknya perkataan Melayu itu sangat mudah boleh berubah-ubah jenisnya-serba jadi, ikut masing-masing tentangnya, kerjanya dalam ikatan ayat."

(PBM: 92)

2.5.8 PROSES PENGURAIAN AYAT

Dalam proses penguraian ayat, Za'ba memberikan contoh-contoh, di samping mengemukakan pandangan, serta peringatan bagaimana untuk mendekati ayat daripada kejadian ayat itu sendiri. Ini adalah bukti bahawa Za'ba sangat menekankan konteks dan makna dalam penulisan buku tatabahasa ini.

Contoh:

Ada juga tentang-nya yang tidak di-sebutkan salah satu anggota ini dan orang-orang cukup faham juga. Tetapi yang sebenarnya apabila orang cukup faham itu maka itulah menunjukkan memang ada juga anggota itu, sekadar tidak di-sebutkan sahaja kerana sudah tahu sama tahu. Sebab itu hendaklah ditakdirkan ada-nya.

(Za'ba: Ceraian 251, pecahan (ii))

2.5.9 PERKAMUSAN ATAU LEKSIKOGRAFI

Dalam buku tatabahasa ini, didapati bahawa Za'ba turut meneroka bidang perkamusan atau pun leksikografi. Ini jelas apabila beliau membincangkan serta memasukkan perkataan-perkataan dialek serta perkataan asing atau pinjaman dalam perbincangannya.

Contoh: (Za'ba: Petua-petua Ejaan Rumi)

[chongkeng], [bengot], [enchot], [enggot],
[rempos], [kompot], [lonchos], [jeluek],
[sutera], [mulia], [murka], [saman], [repot],
[sepanar], [gostan], [hairan], [huruf],
[soal], [adat] dan sebagainya

(Za'ba (1965): 64-63)

Usaha yang telah dilakukan oleh Za'ba ini banyak membantu masyarakat bahasa dalam memperkayakan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu.

2.6 KEKURANGAN BUKU TATABAHASA PELITA BAHASA MELAYU (1)

Kajian ini mendapati bahawa penulisan buku tatabahasa PBM (1) tidak dapat lari daripada kekurangan. Walau bagaimanapun, pada zaman PBM (1) dihasilkan, keunggulan buku tatabahasa ini sukar dinafikan.

2.6.1 BERSIFAT NORMATIF

Penulisan PBM (1) bersifat normatif. Penulisan jenis ini menekankan cara atau tatacara. Jika dilanggar atau diabaikan maka dikira salah atau lari daripada tatacara yang telah ditetapkan. Undang-undang serta hukum yang telah ditetapkan perlu dipatuhi agar menepati rumus-rumus bahasa yang ditetapkan.

2.6.2 PENGGUNAAN KONSEP PRESKRPTIF

Penggunaan konsep preskriptif dalam karya tatabahasa PBM (1), selain tidak membincangkan kemungkinan-kemungkinan tertentu daripada aspek sintaktik, turut tidak menekankan sebarang kemungkinan daripada aspek bentuk atau '*form*'. Jika perbincangan ada didasarkan aspek stilistik, berkemungkinan akan lahir bentuk-bentuk bahasa yang berlainan pula. Hakikatnya, seseorang manusia itu tidak boleh berbahasa dengan terikat atau terhad pada bentuk konkrit semata-mata.

2.6.3 CIRI-CIRI UNIVERSAL BAHASA

Karya PBM (1) yang tergolong sebagai mengupayakan teori tatabahasa tradisional dalam penulisannya, tidak membincangkan unsur-unsur sejagat atau ciri universal bahasa. PBM (1) memfokuskan

perbincangannya terhadap bahasa Melayu sahaja, walaupun rangka atau acuannya nahu bahasa Inggeris dan sedikit-sedikit nahu Arab. Ciri-ciri universal bahasa merupakan unsur-unsur yang dipunyai oleh semua manusia dengan mengongsi beberapa aspek tertentu.

2.6.4 TIDAK MAMPU MENYATAKAN KESALAHAN DALAM AYAT SECARA OBJEKTIF

Menurut Sulaiman Masri (1975), tatabahasa tradisional tidak mampu menyatakan kesalahan dalam ayat secara objektif.

Contoh:

[Buku itu saya membaca]

Berdasarkan penghuraian tatabahasa tradisional, ayat di atas adalah janggal dan tidak sedap bunyinya. Jika berdasarkan pendekatan tatabahasa formal atau struktural, ayat tersebut adalah salah.

Ayat ini salah kerana kesalahan penggunaan 'pasif semu'. (lihat Asmah Hj. Omar, 1970:13) Perkataan [baca] tidak perlu memakai imbuhan apabila kata kerja didahului oleh objek dan subjek. Bentuk sepatutnya:

OBJEK	SUBJEK	KATA KERJA
Buku itu	Saya	baca

Rajah 2.4

(Sulaiman Masri, 1975)

2.6.5 BANYAK DEFINISI KABUR

Penulisan tatabahasa PBM (1) banyak menghuraikan definisi kabur. Contohnya, dalam menghuraikan kata benda (Za'ba: Perkataan Nama), kata benda dihuraikan atau didefinisikan dengan "... segala perkataan (yang) menyebut benda atau orang ..." adalah dicedok bulat-bulat dari definisi "*noun*" (Inggeris), iaitu, "*... the name of person, place or thing...*" Definisi "*noun*" itu sendiri pun tidak gramatik dan menyeluruh dalam bahasa Inggeris. David Crystal turut mengkritik; "*... the above definition gives us more of this. Moreover, this information which it does give, apart from its relevance, is so inexplicit as to be almost useless.*" (dipetik daripada Sulaiman Masri, 1975)

Oleh kerana Za'ba menulis PBM (1) berdasarkan acuan Latin, beliau mendefinisikan aspek-aspek tatabahasa dengan mengambil bulat-bulat dari perkataan Inggeris.

2.7 PENILAIAN TERHADAP BUKU TATABAHASA PELITA BAHASA MELAYU (1)

Kajian ini mendapati bahawa buku tatabahasa bahasa Melayu PBM (1) merupakan salah satu karya utama yang mengandungi pemikiran teoritis yang tidak meninggalkan ciri kemelayuan. PBM (1) adalah satu contoh bentuk penulisan tatabahasa tradisional beracuan Latin.

Menurut Asmah Hj. Omar (1999), identiti bahasa sebenarnya terletak pada peraturan nahu, iaitu morfologi dan sintaksis sesuatu bahasa itu. Berdasarkan pernyataan ini, penulisan PBM (1) ada mencakupi peraturan nahu bahasa Melayu. Isi kandungan PBM (1) membincangkan aspek fonologi, morfologi, dan sintaksis, walaupun pada ketika itu Za'ba tidak menggunakan istilah tersebut secara khusus.

Menurut Ismail Salleh (1996), cara Za'ba memaparkan item nahu bahasa Melayu didapati lengkap dan menyeluruh jika dikaitkan dengan konsep huraian bahasa dalam ilmu linguistik moden. (lihat Asmah Hj. Omar, 1985) Gambaran ringkas tentang susunan secara berturutan unit bahasa dan unit nahu yang dipaparkan oleh Za'ba adalah seperti skema di bawah:

1	2	3
FONOLOGI	MORFOLOGI	SINTAKSIS
<ul style="list-style-type: none">• fonem	<ul style="list-style-type: none">• morfem• kata	<ul style="list-style-type: none">• frasa• klausa• ayat

Rajah 2.5

Penghuraian unit nahu Za'ba bermula daripada unit yang paling kecil dalam tatatingkat nahu, iaitu fonologi, kepada unit yang paling besar, iaitu sintaksis.

Aspek fonologi secara khusus merangkumi sebutan dan sistem ejaan bahasa Melayu (Rumi dan Jawi). Aspek morfologi meliputi jenis perkataan, kata, dan bentuk kata termasuk penggandaan. Manakala unit sintaksis, dijelaskan selok-belok ayat dan jenis-jenisnya, frasa dan jenis-jenisnya, ragam ayat penyata, ayat tanya, ayat kehendak, dan ayat seruan. Za'ba turut mengemukakan konsep ragam terikat, ayat bangun membuat, dan bangun kena buat, dan sebagainya. (Ismail Salleh, 1996)

Menurut Ismail Salleh lagi, pendapat dan huraian Za'ba dalam aspek fonologi tidak jauh beza daripada pendapat dan huraian sekarang yang berasaskan disiplin ilmu linguistik. Dalam bidang sintaksis, Za'ba berjaya menghuraikan selok-belok bidang ini dengan terang dan jelas. (Ismail Salleh, 1996)

Aspek-aspek tatabahasa yang dibincangkan dalam PBM (1) didapati menepati serta relevan dengan keperluan dan kehendak masyarakat pada zaman penghasilan buku tatabahasa ini. Kerelevanan buku ini melangkaui zamannya dan masih dirujuk sehingga kini.

Za'ba telah menghasilkan karya-karya besar dalam bidang bahasa, terutamanya **Pelita Bahasa Melayu (1)**, **Pelita bahasa Melayu (2)**, dan **Pelita Bahasa Melayu (3)**.

Menurut Arba'iyah Mohd. Noor (1999), tulisan Za'ba banyak mendapat perhatian daripada pihak tertentu dan masyarakat Melayu sekalipun mereka masih tidak dapat melihat kepentingan ilmu pendidikan. Manakala Awang Sariyan (1999) pula mengatakan bahawa usahlah kita sekadar mengagumi Ferdinand de Saussure, Leonard Bloomfield, Noam A. Chomsky, MAK Halliday, John Lyons, dari dunia Barat sehingga lupa akan kehebatan Za'ba dalam meletakkan asas perkembangan ilmu bahasa di Alam Melayu. Keunggulan Za'ba terletak pada kekuatan dan ketajaman gerak hati serta pemerhatiannya terhadap sistem bahasa Melayu walaupun beliau tidak terdedah secara formal dalam disiplin linguistik.

Menurut Awang Sariyan lagi, pada saat istilah fonologi belum dikenali di negara ini pada 1930-an, Za'ba sudah mengemukakan lewat analisisnya mengenai sistem ejaan bahasa Melayu. Dalam mengemukakan sistem ejaan bagi bahasa Melayu, Za'ba memperlihatkan ketajaman gerak hatinya mengenai konsep fonetik, walaupun dengan cara yang cukup sederhana. Analisis Za'ba yang cukup berpengaruh dalam menentukan jalan bahasa Melayu dan analisisnya mengenai perkara itu

boleh dibahagikan kepada komponen morfologi dan sintaksis, walaupun tokoh berkenaan tidak menggunakan istilah tersebut. (Salbiah Ani, 1999)

Menurut Jaafar Rahim pula, pemikiran kreatif Za'ba akan tetap hidup subur dengan penyesuaian untuk kehidupan bahasa pada alaf akan datang. Kalangan sarjana, guru, penuntut dan pengguna bahasa dapat memanfaatkan pemikiran Za'ba dalam konteks menghasilkan idea baru dalam bidang bahasa sekaligus menuangkannya lewat penulisan buku. Justeru, pemikiran kreatif Za'ba yang mementingkan konsep ilmu dan penulisan buku boleh menjadi contoh kepada generasi kini dan baru untuk menghasilkan idea baru dalam bidang kebahasaan dengan kaedah mereka sendiri. (Salbiah Ani, 1999)

Za'ba menyusun rangka dan isi perbincangan dalam PBM (1) semata-mata untuk kepentingan orang-orang Melayu sendiri. Ini telah dinyatakan sendiri oleh Za'ba;

"...untuk memberikan kepada orang Melayu fikiran-fikiran yang menjadi tapak kepada ilmu nahu supaya mereka mengerti apa yang dikatakan "ilmu nahu" itu."

(Za'ba, 1965)

Dalam konteks penghasilan karya didapati PBM (1) adalah penghasilan terbaik Za'ba yang relevan dengan masyarakat

persekitarannya yang hauskan ilmu tatabahasa. Kepekaan Za'ba terhadap suasana persekitarannya mampu melahirkan ilham untuk menulis sebuah buku tatabahasa yang mudah difahami oleh masyarakat. Pada saat masyarakat Melayu atau cerdik pandai baru bermula ke arah bidang ketatabahasaan, Za'ba telah berjaya mengupayakan sebuah buku nahu bahasa Melayu yang hebat.

Buku PBM (1) ternyata sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu yang unggul. Keunggulan PBM (1) belum mampu diatasi oleh buku-buku tatabahasa bahasa Melayu yang ditulis oleh ahli-ahli bahasa pada masa kini.

PBM (1) menghuraikan tatabahasa bahasa Melayu daripada aspek fonologi, morfologi dan sintaksis. Penulisan PBM (1) mempunyai gabungan ciri beracuankan tatabahasa tradisional dengan menggunakan pendekatan preskriptif bagi menghuraikan aspek-aspek tatabahasa dari peringkat bunyi ke ayat.

Penulisan buku tatabahasa ini memberi penekanan yang sama penting terhadap bahasa Melayu lisan dan tulisan. PBM (1) memperlihatkan kekuatan penulisannya berdasarkan beberapa ciri tertentu. Walau bagaimanapun penulisan PBM (1) juga mempunyai kekurangan berdasarkan pendekatan yang digunakannya.

Pada keseluruhannya, PBM (1) sebagai sebuah buku tatabahasa yang unggul banyak mengupayakan 'teori' atqakum. Ini merupakan faktor PBM (1) unggul sepanjang zaman. Beberapa cadangan diutarakan agar ciri-ciri penulisan yang terbaik dalam PBM (1) dapat diusahakan semula ke arah penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu menggunakan 'teori' atqakum pada alaf baharu.

2.8 PENILAIAN PENGUPAYAAN 'TEORI' ATQAKUM DALAM PBM (1)

Za'ba sebenarnya telah lebih awal secara tak langsung mengamalkan pendekatan 'teori' atqakum dalam menghasilkan buku tatabahasa ini. 'Teori' atqakum yang berlandaskan Al-Quran sememangnya jitu dan bermanfaat diterapkan. Dalam konteks penulisan buku tatabahasa ini, pelaksanaan pendekatan ini dipelbagai dan disesuaikan dengan masyarakat persekitaran pada ketika itu. Buku tatabahasa ini yang menjadi kajian dan diperkatakan tentang keunggulannya membuktikan bahawa ianya relevan untuk sepanjang zaman.

Kajian ini juga berpendapat bahawa pendekatan 'teori' atqakum yang dilaksanakan oleh Za'ba dalam penulisan buku tatabahasa ini belum mencapai peringkat kepada atqakum. Dalam bab pertama contohnya,

Za'ba menulis tentang asal-usul bahasa. Daripada perspektif pengajian bahasa Melayu, linguistik sebagai sains mengkaji bahasa tentu tidak berupaya melihat sejauh latar sejarah kejadian manusia termasuklah bahasanya dengan jelas dan heuristik. Oleh itu, untuk mencari asal usul bahasa termasuklah bahasa Melayu, sumber aqli perlu disendikan dengan sumber naqli. Sumber naqli disentuh apabila persoalan ini dikaitkan dengan agama. Jelaslah bahawa bahasa adalah anugerah seperti dalam petikan;

"Dan Tuhan mengajarkan kepada Adam nama-nama segalanya..."

(Al-Quran, 2:31)

Azhar M. Simin (1993), memuji PBM (1) sebagai tidak mengenal zaman kerana keupayaan Za'ba mengungkapkan bahasa Melayu dengan tulennya menerusi pendekatan "*language first approach*." Walaupun pendekatan ini bertepatan dengan jiwa Melayu, tetapi sebaik-baiknya hendaklah diiringi dengan konsep wakhtilaf, iaitu perbezaan dan kenekaan bahasa adalah sebagai tanda kemahabesaran Allah S.W.T.

Penghuraian unit nahu bermula dengan fonologi, diikuti morfologi, dan sintaksis. Penghuraian ini menepati konsep Tatabahasa Luas. Walau bagaimanapun, berdasarkan konsep Tatabahasa Paling Luas perlu mengambilkira aspek jasad, akal, qalbu, nafs, dan roh. Sebagai insan apabila berbahasa, kita tidak boleh memisahkan diri daripada kerangka

agama. Segala apa yang dituturkan akan dipertanggungjawabkan ke atas diri seseorang insan itu. Untuk menjadi insan yang bertaqwa, salah satu cabangnya ialah berbahasa. Oleh itu, kita perlu menekankan aspek fonologi sehinggalah meliputi aspek wacana kerana tatabahasa ini adalah yang paling sesuai dan menepati tuntutan agama. Apabila kesempurnaan telah terlaksana maka ia akan memberi kesan baik kepada roh manusia. Ini dijelaskan dalam;

"Sesungguhnya Kami menghidupkan orang - orang mati. Dan Kami menuliskan apa yang mereka kerjakan dan bekas-bekas (jasa-jasa) mereka."

(Surah Yassin, ayat 12)

Dalam konteks berbahasa, ayat di atas menyeru sekalian manusia supaya berbahasa tanpa memisahkannya dari tuntutan agama kerana segala percakapan kita akan dipertanggungjawabkan di hari kemudian nanti.

Za'ba mengarang buku tatabahasa Pelita Bahasa Melayu (1) supaya bahasa itu menjadi bahasa yang terbaik difahami oleh masyarakat sezamannya. Penulisan buku tatabahasa ini juga dihasilkan supaya dapat melahirkan hubungan sesama manusia secara harmonis. Walaupun penghasilannya ada beberapa kekurangan, tetapi kita harus berbalik dan merujuk sendiri konsep penurunan ayat-ayat suci Al-Quran itu sendiri yang didatangkan secara beransur-ansur. Jadi "ilmu" merupakan wahyu yang

didatangkan kepada orang-orang yang berfikir dan orang-orang yang mengkaji.

Contohnya: Teori Behaviorisme

Bukan mudah untuk melakukan pemerhatian dan kajian. Ilham itu adalah kurniaan Allah S.W.T. kepada mereka yang berfikir.

Za'ba menghasilkan PBM (1) dengan objektif agar maklumat yang disampaikan dapat difahami dengan jelas oleh masyarakat sezamannya adalah bertepatan dengan konsep komunikatif (liyubayyina), iaitu menyampaikan maklumat melalui bahasa yang baik dan berkesan.

"Dan Kami tiadalah mengutus seseorang Rasul, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya dia dapat memberikan keterangan kepada mereka...".

(Al-Quran, 14:4)

Buku tatabahasa ini yang menggunakan konsep preskriptif selain tidak memberikan kemungkinan-kemungkinan tertentu dari aspek sintaksis, turut tidak menekankan sebarang kemungkinan dari aspek bentuk atau '*form*'. Jika penulisan tatabahasa dalam buku ini turut membincangkan aspek stilistik, kemungkinan akan melahirkan bentuk bahasa yang berlainan pula. Pada hakikatnya seseorang manusia itu tidak boleh berbahasa dengan terikat atau terhad pada bentuk konkrit semata-mata. Kita tidak boleh lari daripada memasukkan aspek wacana dengan berlandaskan 'teori' atqakum yang meliputi aspek jasad, akal, kalbu, nafsu, dan roh.

Apabila kita berbahasa, kita tidak boleh lari daripada tuntutan agama. Maka, jadikan bahasa itu sebagai pancaran nurani manusia kerana melalui berbahasa dapat menilai atau menjadi kayu pengukur sejauh mana ketakwaan seseorang insan itu. Segala tuturkata yang tidak dijaga akan memberikan kesan kepada orang yang mengeluarkannya. Bahasa Melayu perlu ditilik bukan sahaja dengan mata kasar, bahkan dengan mata hati sehingga dapat menimbulkan keyakinan yang unggul.

2.9 CADANGAN TERHADAP PENULISAN PBM (1)

Buku tatabahasa PBM (1) merupakan karya yang 'hebat' pada zamannya. Sehingga kini pun, buku tatabahasa ini terus diperkatakan akan kehebatannya. Seharusnya ada usaha-usaha daripada pihak tertentu supaya buku tatabahasa ini ditulis semula dalam bentuk yang lebih sistematik selari dengan tuntutan zaman di alaf baru ini. Walau bagaimanapun, DBP telahpun mencetak kembali buku ini pada Mei 2000 yang lalu. Amat rugi kiranya buku yang unggul ini hanya dikaji dan terus diperkatakan, sedangkan tiada usaha yang dilakukan untuk memastikan ianya terus terpelihara sebagai sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu yang tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Sekiranya ada usaha untuk menulis sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu yang lebih sistematik pada alaf baru ini, terdapat beberapa

aspek yang perlu diambilkira dan diberikan perhatian sebelum memulakan proses penulisannya. Antara ialah:

2.9.1 PENGGUNAAN ISTILAH

Penulisan sesebuah buku tatabahasa bahasa Melayu sebaik-baiknya perlu menggunakan istilah-istilah yang sesuai dengan bawaan dan jati diri bangsa Melayu. Dalam bahasa Melayu banyak istilah yang boleh digunakan untuk memeri aspek-aspek tatabahasa.

Dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu, langkah pertama ialah dengan menggunakan istilah-istilah yang ada dalam 'persekitaran' diri bangsa Melayu itu sendiri. Manakala isi dan struktur perbincangannya perlu melihat dan mengutamakan senario kehidupan masyarakat Melayu khasnya dan masyarakat di Malaysia amnya.

Jika kedua-dua aspek ini diupayakan dalam penghasilan sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu, maka bertepatanlah dengan slogan "bahasa jiwa bangsa."

2.9.2 PENGGUNAAN FONEM / – / ATAU / E / PEPET

Penulisan semula sebuah buku tatabahasa bahasa Melayu perlu menggunakan semula fonem / ě / . Penggunaan fonem / ě / akan dapat menyelesaikan masalah homonimi yang dihadapi oleh masyarakat pada hari ini terutamanya bagi generasi baharu.

Permasalahan ini telah dibincangkan di Bengkel Pengejaan Kata Serapan Bahasa Arab Dalam Bahasa Melayu anjuran DBP baru-baru ini. DBP telah diminta supaya mengembalikan semula penggunaan / e / pepet atau / ě / selaras dengan tujuan pembakuan bunyi ejaan dan sebutan dalam bahasa Melayu.

Sekiranya penggunaan semula fonem / ě / dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi, usaha ini perlulah diupayakan semula. Jika dengan penggunaan semula fonem / ě / ini ianya bersifat lebih komunikatif bagi masyarakat pengguna bahasa maka ia menepati konsep dalam 'teori' atqakum, dan usaha murni ini perlulah disegerakan.

2.9.3 PENULISAN SEMULA PBM (1)

Berdasarkan keunggulan buku tatabahasa PBM (1) ini, diharap ada usaha untuk menulis semula PBM (1) dengan sentuhan baharu, iaitu dengan menggunakan pendekatan Melayu-Islam. Pendekatan Melayu-Islam yang digunakan mestilah berdasarkan konsep-konsep penting dalam Pengajian Melayu yang terkandung dalam 'teori' atqakum.

Penulisan semula PBM (1) dengan pengupayaan 'teori' atqakum pada alaf ini adalah supaya lebih serasi dengan bawaan dan jati diri bangsa Melayu itu sendiri.

2.9.4 PENGGUNAAN SEMULA PBM (1) EDISI BAHARU DI SEKOLAH-SEKOLAH

Jika ada pihak mengupayakan semula penulisan PBM (1), dicadangkan PBM (1) Edisi Baharu digunakan semula di sekolah-sekolah. PBM (1) merupakan sebuah buku tatabahasa pedagogi, sesuai digunakan di sekolah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Hasil penulisan Za'ba ini perlu dimartabatkan sebagai sebuah penulisan tatabahasa bahasa Melayu yang unggul sepanjang zaman.

Dengan penggunaan semula PBM (1) Edisi Baharu akan mampu mengembalikan semula kegemilangan bahasa Melayu pada alaf baharu ini.

2.10 PENUTUP

Buku tatabahasa Pelita Bahasa Melayu (1) adalah benar-benar sebuah karya ilmu yang menjadi pelita ke arah menerapkan atau memberi ilmu nahu kepada masyarakat. Pendekatan teori tradisional yang digunakan oleh Za'ba walaupun ada kekurangannya, namun ia tetap merupakan sebuah karya tatabahasa yang unggul.

Pemikiran Za'ba ketika menghasilkan buku tatabahasa ini begitu tinggi sehingga karya ini tidak lapuk ditelan zaman. Perbincangan aspek tatabahasa dalam buku ini bermula dengan bidang fonologi sehingga meliputi bidang sintaksis. Pada realisasinya, Za'ba sebenarnya telah meneroka bidang yang lebih tinggi dan luas daripada tatabahasa, iaitu merangkumi bidang wacana dan leksikografi.

Dengan perbincangan yang meliputi pelbagai bidang tatabahasa ini, maka tidak hairanlah buku tatabahasa ini begitu luas diperbincangkan dan diperkatakan dari semasa ke semasa mencakupi pelbagai bidang sehingga ke hari ini yang telah melangkah ke alaf baru.